

Ibu pilu terima berita kematian Noorain

Mohd Shukor Amin - Mei 13, 2017 @ 4:06pm
bhnews@bh.com.my



SABAK BERNAM: Aminah Rusmi, ibu penuntut Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang maut dihempap pokok di Lata Charok, Janda Baik, terpaksa ditenangkan hampir sejam sebaik menerima berita sedih itu.

Aminah, 52, tidak dapat mengawal kesedihan apabila suaminya, Mohtar Mad Lani, 63, memberitahu, anak mereka, Noorain, 23, yang belajar di UiTM Puncak Alam, meninggal dunia ketika mengikuti latihan ikhtiar hidup di kawasan berkenaan.

Mohtar berkata, isterinya yang bekerja di kantin sekolah sebuah itu seakan-akan tidak percaya anak kelima daripada sembilan beradik itu sudah pergi buat selama-lamanya.

"Pengurusan universiti menghubungi saya pada jam 8 pagi tadi, maklumkan anak perempuan saya meninggal dunia.

"Saya terus hubungi anak-anak lain dan terus ke kantin sekolah beritahu isteri.

"Apabila saya maklumkan mengenai kejadian ini, beliau menangis kuat sebelum kembali tenang apabila sampai di rumah," katanya.

Mohtar berkata, kali terakhir beliau menemui arwah anaknya itu ketika mereka menghadiri kenduri di rumah saudaranya, pada 6 Mei lalu.

"Tiada pula perubahan pada tingkah laku arwah, beliau macam biasa sahaja... mungkin, ini sudah ajalnya, jadi kami reda," katanya.

Beliau berkata, kali terakhir anaknya menghubungi isterinya pada malam Khamis lalu dan memaklumkan untuk pergi menjalani aktiviti itu bersama-sama kawannya di UiTM.

Katanya, isterinya juga sudah menempah baju kurung buat Noorain untuk dikenakan pada Aidilfitri tahun ini sebagai kejutan, namun hasrat itu tidak kesampaian.

Pada masa sama, Mohtar meminta pengurusan UiTM menyalasat kejadian itu dan mengkaji semula modul program berkenaan.

"Saya tak mahu ada kes sama berulang. Cukuplah apa yang berlaku terhadap anak kami, harap pihak universiti buat kajian terhadap apa yang berlaku," katanya.

Jenazah Noorain dijangka dikuburkan di Tanah Perkuburan Islam Masjid Makmuriyah, dekat sini, petang ini.

Dalam kejadian kira-kira jam 4.30 pagi tadi, mangsa dan beberapa pelajar sedang meredah hutan tebal berhampiran kawasan air terjun Lata Carok, dekat Janda Baik, Pahang, apabila ditimpa sebatang pokok.

Kesemua mereka sedang mengikuti latihan ikhtiar hidup di kawasan ketika kejadian.



AMINAH Rusmi dan Mohtar Mad Lani menatap gambar anak mereka di Parit 1 Barat. - Foto Mohd Shukor Amin



IKUTI KAMI DI:



BERITA
BH PLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

SUKAN
DUNIA
HIBURAN
BISNES
RENCANA
WANITA
Hujung Minggu

MULTIMEDIA
Foto
BH TV
Infografik

LANGGAN
Akhbar Digital
Akhbar BH

PERKHIDMATAN
Iklan Web
TKlassifieds
NSTP KLIK

RADIO
Dapatkan Audio+
Hot FM
Buletin FM
Fly FM
8FM
Molek FM